

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]

SOALAN

DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID [KUALA KANGSAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian sedang merangka sebarang bentuk inisiatif untuk menaikkan kadar pemberian pencen kepada bekas penjawat awam dan seterusnya melakukan pelarasan kadar pemberian pencen secara menyeluruh untuk semua pesara dalam sektor Kerajaan tanpa mengira tahun akhir perkhidmatan.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian pencen adalah berdasarkan tempoh perkhidmatan yang boleh diambilkira. Sebelum tahun 2013, pencen akan diselaraskan apabila berlakunya semakan/ pelarasan gaji penjawat awam. Walau bagaimanapun pada tahun 2013, pelarasan tersebut telah digantikan dengan kenaikan 2% setiap tahun.